

Isu pekerja tak lagi berkisar gaji, waktu kerja atau cuti



Pemangku
Presiden Kongres
Kesatuan Sekerja
Malaysia (MTUC)

Oleh Mohd Effendy Abdul Ghani
bhrencana@bh.com.my

Jika ditanya apakah perkara utama terlintas di fikiran mengenai Hari Pekerja diraikan 1 Mei, pasti ramai mengaitkannya cuti umum, majlis perhimpunan atau perarakan pekerja.

Hari Pekerja sedunia dihaskan untuk menghargai jasa dan mengiktiraf golongan itu di atas segala usaha dan pengorbanan memajukan diri, keluarga, masyarakat, bangsa serta negara.

Selepas lebih 100 tahun kita menyambut Hari Pekerja yang sebelum ini terkenal dengan nama Hari Buruh, keadaan semakin berbeza apabila kita melalui pandemik COVID-19 dan menuju ke fasa pemulihan endemik.

Jika sebelum pandemik, sebahagian kita masih bergelar pekerja, namun selepas muncul COVID-19, ada terpaksa 'bersara awal' kerana syarikat tidak lagi mampu tanggung kos pekerja. Pandemik yang masih belum jinak bukan sahaja menyerang kesihatan manusia, bahkan menyakitkan ekonomi dunia, termasuk negara ini. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapati sebanyak 46.6 peratus daripada 168,182 individu bekerja sendiri dilaporkan hilang pekerjaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Hampir separuh, iaitu 46.6 peratus responden bekerja sendiri menyatakan kehilangan pekerjaan dan dianggarkan 9 daripada 10 responden masih bekerja mengalami pengurangan pendapatan.

Ia juga menunjukkan sektor pertanian dan perkhidmatan mencatat peratusan kehilangan pekerjaan lebih tinggi kesan penularan COVID-19, masing-masing 21.9 peratus serta 15 peratus.

Kilang beroperasi, ada kerja, adalah gaji. Namun, ia tidak mewakili semua industri. Pekerja dalam sektor seperti pelancongan dan perhotelan mungkin masih mencari arah kembali dalam era peralihan ke endemik ini.

Pelbagai peristiwa dalam endemik, ada diminta bercuti tanpa gaji, ada diberi gaji setengah bulan dan ada diberhentikan tanpa pampasan.

Sebenarnya, Hari Pekerja di negara ini ialah hari meraikan pencapaian ekonomi dan sosial pekerja, termasuk penetapan tempoh bekerja lapan jam sehari. Hari itu menjadi percutian kebangsaan dan ramai akan bersantai-santai sempena cuti umum ini.

Di sebalik kita sudah acap kali menyambutnya, masih ramai tidak memahami signifikansi sambutan Hari Pekerja, selain pemahaman simplistik dan salah mengaitkannya sebagai hari bagi semua bergelar pekerja berbeza dan bercuti.

Tanyalah pada setiap orang kita ditemui, sudah tentu itulah jawapan mereka. Sempena sambutan Hari Pekerja pada hari ini dan tahun mendatang, kita wajar

membuat anjakan paradigma positif mere-nung kembali matlamat asal sambutannya.

Baik pekerja mahupun majikan, Hari Pekerja sepatutnya dijadikan renungan ke-pada kepekaan terhadap keadilan, kejuju-ran, amanah serta tanggungjawab dalam konteks bekerja, selain memikirkan produk-tiviti dan keuntungan semata-mata.

Dalam menuju ke fasa endemik di sam-ping suasana dunia semakin terbuka dan kompleks, isu pekerja tidak lagi berkisar gaji, waktu kerja atau cuti.

Jaringan keselamatan sosial, imbuan dan manfaat sampingan, kebajikan serta persaraan pekerja perlu diperhatikan dan diperluaskan. Dengan bebaniran pekerja asing, kerajaan perlu peka dan pantas men-bela pekerja tempatan.

Kita kluatir jika terlambat, akan timbul eksploitasi bentuk baharu oleh mereka cu-las dan tamak.

Pada masa sama, kita perlu menzahirkan terima kasih kepada kerajaan di bawah Ke-meniterian Sumber Manusia atas pelaksana-an gaji minimum RM1,500 di bawah Perin-tah Gaji Minimum 2022 bermula hari ini.

Ini inisiatif positif kerajaan untuk semua pekerja dalam mewujudkan Keluarga Ma-laysia lebih baik. Tahun ini juga kita me-lihat beberapa pindaan akta perburuhan utama negara akan dipinda.

Rang Undang-Undang (RUU) Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2021 diluluskan di Dewan Ne-gara dan dalam proses pengiktirafan serta kelulusan Yang di-Pertuan Agong.

Beberapa pindaan menepati keperluan asas dan hak utama penambahbaikan untuk pekerja seperti cuti materniti kepada 98 ha-ri, memperkenalkan tujuh hari cuti pater-niti, mengurangkan jam bekerja kepada 45 jam seminggu, waktu kerja fleksibel, proses rungutan untuk diskriminasi diperkenal-kan, meningkatkan kesedaran serta proses pengendalian kes gangguan seksual.

Pada 24 Mac lalu, bacaan pertama di Par-limen diadakan bagi meminda RUU Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Pindaan) 2022, RUU Akta Sosial Pekerja 1969 (Pindaan) 2022 dan RUU Akta Sistem Insuran Pekerjaan 2017 (Pindaan) 2022.

Pindaan dipercayai akan dilaksanakan pada tahun ini, diyakini akan mengambil cadangan balas Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menerusi perbincangan atas semangat tripartisme.

MTUC sedang merangka langkah segera bagi menjalankan beberapa banyak perjum-paan dan perbincangan bersama pemegang taruh, kesatuan gabungan, ahli akademik, pakar ekonomi, peguam serta semua golo-ngan untuk bersedia dengan cadangan balas pindaan terbabit. Kami optimistik segala pe-rubahan atau pindaan akan mengambil kira kepentingan pekerja.

Semoga tarikh 1 Mei masih bermakna ke-pada kepada warga pekerja. Seperti tema Hari Pekerja tahun ini, sememangnya pe-kerja adalah tonggak Keluarga Malaysia da-lam pemuliharaan negara, sekali gus menjadi nadi negara.